900/3

STPM 2024

PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM

PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM

PENGAJIAN AM

PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM

KERTAS 3

(2 Jam)

PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM
PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM PERCUBAAN STPM

MAJLIS PEMUAFAKATAN PENOLONG KANAN
TINGKATAN ENAM

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

SKEMA PEMARKAHAN
DAN
SKEMA JAWAPAN

Kertas soalan ini **SULIT** sehingga peperiksaan kertas ini tamat. **SULIT

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan*

1 Dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh

I keadaan politik serantau

II wawasan pemimpin Malaysia

III pegangan ideologi negara-negara serantau

IV pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

2 Yang manakah faktor penting yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia pada zaman Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama?

I Peningkatan pengaruh komunis

II Hubungan dengan negara China

III Konfrontasi Malaysia - Indonesia

IV Kepentingan Negara-negara Membangun

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

3

- Mengadakan dialog politik, kerjasama ekonomi, dan dialog peradaban kebudayaan
- Mewujudkan kerjasama antara dua benua

Penyataan di atas merujuk kepada

A Forum Serantau ASEAN (ARF)

B Mesyuarat Asia dan Eropah (ASEM)

C Dialog Antarabangsa Langkawi (LID)

D Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

4 Yang manakah isu bilateral yang dibincangkan oleh Malaysia dengan Singapura?

I Semakan kadar harga air

II Pembuangan sisa toksik di perairan Malaysia

III Penebusgunaan tanah di perairan Pulau Tekong

IV Pembinaan kompleks Kastam, Imigresen, dan Kuarantin

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

5 Yang manakah manfaat pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) kepada Malaysia?

A Peningkatan kutipan duti import

B Pertambahan nilai pelaburan langsung asing

C Peningkatan persaingan dalam produk terpilih

D Peningkatan aliran perdagangan dengan negara-negara Asia Tenggara

6 Yang manakah peranan Malaysia dalam membantu kestabilan politik dalam ASEAN?

I Menghantar wakil berhubungan dengan proses demokrasi di Myanmar

II Menjadi orang tengah dalam kes penculikan di selatan Filipina

III Memberikan khidmat nasihat politik kepada negara anggota

IV Menghantar pasukan pengaman ke Timor Leste

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

7 Yang manakah pendirian Malaysia dalam menghadapi masalah serantau Asia Tenggara?

I Segala pertikaian hendaklah diselesaikan melalui perundingan

II Urusan tentang pendatang tanpa izin menjadi tanggungjawab bersama

III Segala masalah domestik hendaklah diselesaikan oleh rakyat negara itu sendiri

IV Negara-negara anggota diberi tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah negara jirannya

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

8

Bentuk bantuan : • Khidmat Perunding • Kursus Jangka Pendek • Projek Pembangunan Negara penerima : Pakistan, Sudan, Malawi, Timor Leste

Komitmen Malaysia dalam pemberian bantuan kepada negara-negara di atas dilakukan melalui

A Mesyuarat Asia-Eropah

B Dialog Antarabangsa Langkawi

C Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik

D Program Kerjasama Teknikal Malaysia

9 Yang manakah usaha yang dilakukan oleh Malaysia ke arah mengukuhkan Kerjasama Selatan-Selatan?

I Menempatkan ibu pejabat Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) di Kuala Lumpur

II Menjadi tuan rumah Persidangan Ekonomi Kerjasama Asia Pasifik (APEC)

III Memulaukan barangan import dari negara-negara Utara

IV Menganggotai Kumpulan Lima Belas (G15)

17. Berdasarkan jadual di bawah, **bandingkan** pungutan pingat mengikut negara dan jenis pingat dalam Sukan Komanwel tahun 2022. Jelaskan cabaran yang dihadapi untuk memajukan sukan di negara membangun. [15]

KEDUDUKAN PUNGUTAN PINGAT BAGI NEGARA-NEGARA TERPILIH DALAM SUKAN KOMANWEL PADA TAHUN 2022

Negara	Pungutan Pingat			Jumlah
	Emas	Perak	Gangsa	
Australia	67	57	54	178
England	57	66	53	176
Kanada	26	32	34	92
India	22	16	23	61
New Zealand	20	12	17	49
Scotland	13	11	27	51
Nigeria	12	9	14	35
Wales	8	6	14	28
Afrika Selatan	7	9	11	27
Malaysia	7	8	8	23
N.Ireland	7	7	4	18

(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada *Berita Harian, 9 Ogos 2022*)

Pengenalan:

Jadual menunjukan kedudukan pingat mengikut negara dan jenis pingat dalam Sukan Komanwel pada tahun 2022.

Bil	*Isi/Idea*	*Huraian*
A	**Bandingan pungutan pingat mengikut negara**	
1	Negara paling banyak menerima pingat adalah : Australia Negara paling sedikit menerima pingat adalah : N. Ireland	Australia : 178 pingat N.Ireland : 18 pingat
B	**Bandingan pungutan pingat mengikut jenis pingat**	
2	Pingat emas: Paling banyak : negara Australia Paling sedikit : -Afrika Selatan, -Malaysia -N. Ireland (wajib senaraikan semua negara)	Pingat emas Australia : 67 pingat Pingat Afrika Selatan, Malaysia dan N. Ireland : 7 pingat (wajib senaraikan ketiga-tiga buah negara)
3	Pingat perak: Paling banyak: England Paling sedikit: Wales	Pingat perak England : 66 pingat Pingat perak Wales : 9 pingat
4	Pingat Gangsa:	Pingat gangsa Australia : 54 pingat

	Paling banyak: Australia Paling sedikit: N.Ireland	Pingat perak N.Ireland : 4 pingat
C	**Cabaran-cabaran untuk membangunkan sukan di negara membangun:**	
5	Infrastruktur/ fasiliti	• Kekurangan kompleks sukan bertaraf dunia • Kekurangan gelanggang dan gimnasium • Peralatan latihan banyak yang usang dan memerlukan penyelenggaraan
6	Pemain bertaraf dunia	• Kekurangan jurulatih berpengalaman • Kekurangan pakar pemakanan, ahli fisioterapi dan pakar psikologi untuk meningkatkan prestasi atlet • Sukar melahirkan pemain bertaraf dunia
7	Pembangunan atlet	• Peruntukan sukan yang terhad • Kurang pihak yang mampu untuk menaja program sukan dan atlet
8	Pusat kecemerlangan atlet	• Kurang pusat kecemerlangan atlet • Pelapis baru dan muda sukar dilahirkan
9	Isu rasuah	• Atlet kurang jati diri • Menjual perlawanan untuk mendapat kemewahan dengan jalan mudah

Penutup

Negara-negara membangun seperti Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk maju dalam bidang sukan. Oleh itu, kerjasama dari semua pihak amat diperlukan bagi mencapai kecemerlangan sukan yang bertaraf dunia.

Jawapan:

A 1 + B (mana-mana 1 isi/idea) + C * (Mana-mana 2 isi/idea)

Pemarkahan:

Idea	1m x 4 idea	4m
Huraian	2m x 4 huraian	8m
Bahasa		1m
Rumusan		2m
Jumlah		15m

*Sekiranya calon meletakkan unit, huraian TR

Bahagian C [50 markah]

18 Pencerobohan nelayan asing di perairan negara semakin meningkat. Kegiatan ini telah meninggalkan pelbagai kesan buruk. Bincangkan. [25]

Pengenalan:

Perikanan laut dalam berhadapan dengan masalah ancaman lanun dan pencerobohan nelayan asing di Kawasan ZEE.

Bil	*Idea*	*Huraian*
A: Faktor pencerobohan nelayan asing semakin meningkat		
1.	Kekayaan sumber perikanan negara	• Perairan negara yang luas kaya dengan kepelbagaian spesies ikan dan hasil laut yang lain • Belum diteroka sepenuhnya oleh nelayan tempatan • Menjadi tarikan nelayan asing untuk menceroboh dan mengeksploitasi hasil laut negara
2.	Sumber perikanan yang kurang di negara asal	• Urus tadbir sektor perikanan negara asal penceroboh adalah tidak efisien • Berlaku eksploitasi dan penerokaan hasil laut yang berlebihan oleh bot nelayan Thailand dan Vietnam • Akibatnya sumber perikanan di Teluk Siam dan perairan Vietnam telah hampir pupus • Nelayan asing terpaksa menceroboh perairan negara Malaysia bagi memastikan kelangsungan industri perikanan negara mereka
3.	Penggunaan peralatan dan teknologi moden nelayan asing	• peralatan serta bot yang digunakan juga adalah canggih dan moden membolehkan mereka bertahan lama di tengah lautan • membolehkan mereka belayar dalam jangka waktu yang lama di laut dalam
4.	Kurang kawalan sempadan	• kapasiti yang tidak seimbang antara laut dan penguatkuasaan • kurang kekerapan rondaan, pemeriksaan dan kawalan di perairan negara • kelemahan ini juga disebabkan kekurangan aset dan lojistik aset
5.	Penyalahgunaan permit/lesen oleh nelayan tempatan	• Terdapat segelintir nelayan tempatan yang memegang lesen penangkapan laut dalam menyewa lesen kepada agen warga asing • Mereka tidak perlu turun ke laut sebaliknya mendapat keuntungan atas angin

7	Memperkuatkan dialog antarabangsa dan multilateral	• Mencadangkan dialog antara kuasa besar dan negara-negara kecil dalam PBB untuk menyelesaikan isu-isu antarabangsa seperti pengawalan senjata nuklear, perubahan iklim, dan pemerdagangan manusia.
8	Mengutamakan keadilan sosial dan ekonomi global	• Penyelesaian konflik melalui Pembangunan. • Dapat mengurangkan ketegangan global yang disebabkan oleh kemiskinan, ketidaksamarataan ekonomi, dan ketidakstabilan politik. • Mendorong lebih banyak kerjasama antarabangsa dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Penutup:

Malaysia dapat membantu memperkukuhkan peranan PBB dalam memelihara keamanan dan keharmonian dunia. Perkara ini dapat direalisasi dengan mengutamakan pembaharuan, ketelusan, penyelesaian diplomatik, dan keadilan sosial oleh PBB.

Jawapan : 5+0 idea/isi

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta